



JABATAN PERDANA MENTERI
PEJABAT KETUA PEGAWAI KESELAMATAN KERAJAAN MALASIA

BULETIN ILKEM

EDISI 3/2025

*"Kemerdekaan bermakna kita berdiri bersama
tanpa mengira bangsa, agama atau darjat
untuk mempertahankan kedaulatan Negara"*

SIDANG REDAKSI

PENAUNG

YBRS. TUAN W. HUSBI BIN W. MOHD

PENASIHAT

YBRS. TUAN HAJI MOHD NAJIB BIN SURIP

KETUA PENGARANG

YBRS. ENCIK ROSELAN BIN MOHAMED

AHLI JAWATANKUASA

PUAN NUR AZHANI BINTI YUNOS

ENCIK AHMAD SHAHARUDDIN BIN MUHAMMAD

ENCIK MOHD SAIFUL HISHAM BIN MD SALLEH

ENCIK MAZLAN BIN MD NOOR

TUAN HAJI MOHAMAD FOUZLI BIN ABDULLAH

ENCIK MOHD RADZI BIN JAMALLUDDIN

PUAN SALMAH BINTI SHAHIDAN

TUAN HAJI AZALI BIN BACHOK

ENCIK MOHD FAIZUL BIN MOHD NOR

ENCIK AG. MOHD ISMAIL BIN A.M NORDIN

PUAN NURUL HASWANI BINTI SAIMAN

ENCIK MOHD RIDZUAN BIN SITH

PEGAWAI PENYELARAS

ENCIK MOHD AMIRUL HAFIZ BIN ABDUL HALIM

PEREKA GRAFIK

CIK SITI NUR BAHYAH BINTI MOHAMAD

ISI KANDUNGAN

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1	PERUTUSAN KETUA PENGARAH KESELAMATAN KERAJAAN	1
2	PERUTUSAN PENGARAH INSTITUT LATIHAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN MALAYSIA (ILKEM)	2
3	EKSKLUSIF • MAJLIS SAMBUTAN MAULIDUR RASUL SAW PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 1447H/2025M • PERALIHAN KEPIMPINAN CGSO • MAJLIS PELUNCURAN KAMPUNG ANGKAT MADANI CGSO • PROGRAM GOTONG-ROYONG PERDANA BUBUR ASYURA WARGA CGSO TAHUN 2025	03-08
4	FOKUS • MAJLIS PERBARISAN TAMAT LATIHAN KURSUS ASAS KESELAMATAN PERLINDUNGAN SKIM KESELAMATAN DAN PERTAHANAN AWAM BAGI GRED KP5 DAN KP1, SIRI 1 TAHUN 2025 • PROGRAM KURSUS KESEDARAN BAGI SISTEM PENGURUSAN KUALITI ISO 9001:2015 SERTA BUSINESS CONTINUITY MANAGEMENT SYSTEM ISO 22301:2019 • INSPEKTORAT PEMATUHAAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN DI KONSULAT JENERAL MALAYSIA, SONGKHLA, THAILAND	09 - 11
5	ARTIKEL CGSO • KEMERDEKAAN DAN KESELAMATAN NEGARA • BEKERJA DENGAN JIWA, BERKHIDMAT DENGAN MAKNA • INTEGRITI: TONGGAK KEJAYAAN INDIVIDU DAN ORGANISASI	12-18
6	AKTIVITI DI ILKEM • KURSUS BASIC LIFE SUPPORT - CPR & PERTOLONGAN CEMAS • KURSUS KAWALAN DOKUMEN RASMI DAN DOKUMEN RAHSIA RASMI BAGI PENDAFTAR RAHSIA, PEMBANTU KHAS DAN KESETIAUSAHAAN PEJABAT • PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN PENGAWAL KESELAMATAN GRED KP11 DI JABATAN PERDANA MENTERI DAN PELBAGAI JABATAN • KURSUS <i>FITNESS AND HEALTH</i> • BENGKEL TRAINING OF TRAINERS PELAKSANAAN PKP DI SEKTOR AWAM • KURSUS LANJUTAN KOMUNIKASI BERKESAN (WALKIE TALKIE) • BENGKEL PENGENDALIAN KUNCI KESELAMATAN DAN TATACARA NOMBOR KOMBINASI • LAWATAN KETUA PENGARAH KESELAMATAN KERAJAAN KE ILKEM	19-31
7	BERITA PERKHIDMATAN	32-33
8	PUSAT SUMBER	34-35

P

ERUTUSAN

KETUA PENGARAH KESELAMATAN KERAJAAN

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani, Salam Semangat Merdeka.

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya, e-Buletin Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (ILKEM) Edisi Ke-3 Tahun 2025 dapat diterbitkan dengan jayanya. Saya mengucapkan tahniah dan penghargaan kepada seluruh Sidang Redaksi yang terus komited memastikan kesinambungan penerbitan ini sebagai wadah ilmu, perkongsian maklumat dan inspirasi kepada warga CGSO serta masyarakat umum.

Edisi kali ini hadir pada bulan yang cukup istimewa, bulan yang menyatukan seluruh rakyat Malaysia di bawah satu panji, Jalur Gemilang. Sambutan Hari Kebangsaan bukan sekadar acara tahunan tetapi ia juga merupakan detik untuk kita merenung kembali pengorbanan generasi terdahulu yang telah memerdekakan negara ini daripada belenggu penjajahan. Mereka berjuang dengan tekad, kesatuan hati dan semangat kental untuk melihat sebuah bangsa berdiri megah di bumi sendiri.

Semangat Merdeka inilah yang harus kita warisi dan terjemahkan dalam kehidupan seharian. Sebagai warga CGSO, semangat itu perlu dizahirkan melalui dedikasi kerja, pematuhan kepada integriti dan komitmen tinggi dalam melindungi kepentingan strategik negara. Kemerdekaan yang kita nikmati hari ini datang bersama tanggungjawab untuk memastikan keselamatan negara kekal terpelihara, kedaulatan terus dipertahankan dan keharmonian rakyat sentiasa dipelihara.

Dalam konteks ini, ILKEM memainkan peranan penting sebagai pusat modal insan untuk melatih, memupuk dan memperkukuhkan kemahiran awam khususnya Pegawai Keselamatan Kerajaan agar sentiasa bersedia ancaman yang semakin kompleks. Era digital dan landskap keselamatan kini menuntut kita untuk berfikir jauh ke hadapan, menguasai teknologi keselamatan perlindungan negara.

pembangunan
penjawat
menghadapi
global masa
pertahanan

Semangat Merdeka juga mengajar kita untuk sentiasa meningkatkan pengetahuan, proses kerja dan memantapkan kerjasama strategik rentas jabatan. Ia menuntut kita sentiasa berada di zon selesa, tetapi berani melakukan penambahbaikan yang memberi impak positif penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.

memperkemas
untuk tidak

Akhir kata, marilah kita menyambut Hari Kebangsaan ke-68 ini dengan rasa syukur dan bangga serta memperbaharui tekad untuk terus berkhidmat demi negara tercinta. Adalah menjadi harapan saya agar e-Buletin ILKEM Edisi Ke-3 ini terus menjadi platform penting untuk memperkaya ilmu pengetahuan dan mencetus idea baharu.

W.Husbi bin W.Mohd
Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan



P

ERUTUSAN PENGARAH

INSTITUT LATIHAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN MALAYSIA (ILKEM)

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Dengan penuh rasa syukur, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Seluruh warga ILKEM yang terus teguh berbakti dalam merealisasikan misi dan visi institut ini sepanjang suku ketiga tahun 2025 telah menyumbang kepada pelaksanaan pelbagai inisiatif penting.

E-Buletin Edisi 3/2025 kali ini menampilkan kejayaan dalam pengukuhan program latihan keselamatan perlindungan, pemantapan modul pengajaran, serta peluasan jaringan kerjasama strategik bersama pelbagai pihak. Usaha berterusan ini menjadi pemangkin untuk memperkukuh kedudukan ILKEM sebagai pusat rujukan dan latihan utama negara dalam bidang keselamatan perlindungan.

Dalam menghadapi cabaran dunia yang semakin kompleks, perpaduan, inovasi, dan integriti kekal sebagai teras kekuatan kita. Setiap warga ILKEM memikul tanggungjawab untuk memperkukuh budaya kerja cemerlang, memantapkan pembangunan modal insan, dan memperhebat usaha strategik demi kelangsungan kecemerlangan organisasi.

Saya yakin, dengan kesepaduan, komitmen, dan iltizam yang tidak pernah luntur, kita akan terus membawa ILKEM ke tahap kegemilangan yang lebih tinggi. Setiap usaha, sama ada besar atau kecil, adalah penyumbang penting dalam membentuk landskap keselamatan perlindungan negara yang kukuh dan berdaya tahan.

Roselan bin Mohamed
Pengarah
Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia
(ILKEM)



MAJLIS SAMBUTAN MAULIDUR RASUL SAW PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 1447H/2025M



Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO), Jabatan Perdana Menteri, melakar sejarah apabila turut serta dalam perarakan pada sambutan Maulidur Rasul peringkat kebangsaan. Penyertaan ini bukan sahaja menjadi simbol kecintaan terhadap junjungan besar Nabi Muhammad SAW, bahkan turut mencerminkan komitmen warga CGSO dalam menjunjung syiar Islam serta memperkukuh semangat perpaduan ummah.



Penyertaan sulung kontinjen CGSO ini diharapkan dapat menyemarakkan lagi semangat ukhuwah, meneguhkan nilai integriti serta membudayakan kecintaan kepada Rasulullah SAW dalam kalangan warga CGSO khususnya, dan masyarakat Malaysia amnya.

Pada 5 September 2025, KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim, bersama KDYMM Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah, berkenan berangkat ke Majlis Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Kebangsaan Tahun 2025. Keberangkatan Baginda berdua turut diiringi oleh YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri. Majlis penuh keberkatan ini telah berlangsung di Malaysia Agro Exposition Park Serdang (MAEPS), Selangor.



Kontinjen CGSO diketuai oleh YBr. Tuan W.Husbi bin W. Mohd, Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan, diiringi oleh YBr. Puan Julaila binti Engan, Timbalan Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan (Dasar). Seramai 60 pegawai terpilih turut serta dalam perarakan sejauh 1.2 kilometer ini. Penyertaan tersebut dimeriahkan lagi dengan kehadiran YBr. Tuan Haji Mohd Najib bin Surip, Timbalan Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan (Operasi), para Pengarah Bahagian serta warga CGSO yang membawa panji-panji syiar Islam dengan penuh semangat, disiplin, dan kesatuan hati



PERALIHAN KEMIMPINAN CGSO KEPIMPINAN BAHARU: KETUA PENGARAH KESELAMATAN KERAJAAN KE-XVII



3 September 2025, Putrajaya – YBrs. Tuan W.Husbi bin W.Mohd, Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan, telah mengadakan kunjungan hormat ke atas YBhg. Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar, Ketua Setiausaha Negara, bertempat di Pejabat Ketua Setiausaha Negara.

Dengan pengalaman, kepakaran, dan pengetahuan luas yang dimiliki, warga CGSO yakin YBrs. Tuan W.Husbi bin W.Mohd akan terus memacu organisasi ini ke arah kecemerlangan dan mendukung aspirasi Malaysia MADANI. Kehadiran beliau sebagai nakhoda baharu bukan sahaja menandakan kesinambungan kepimpinan, malah mengukuhkan lagi iltizam CGSO untuk terus unggul dalam bidang keselamatan perlindungan negara.

Seluruh warga CGSO dengan penuh sukacita mengucapkan tahniah dan selamat datang kepada YBrs. Tuan W.Husbi bin W.Mohd atas pelantikan beliau sebagai Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan ke-XVII yang berkuat kuasa mulai 2 September 2025.

**“SETIAP PEMIMPIN MEMBAWA WARNA DAN HARAPAN BAHARU. SEMOGA KEPIMPINAN BAHARU
INI MENJADI PERMULAAN KEJAYAAN BERSAMA.”**



YBrs. Tuan W.Husbi bin W.Mohd, Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan, telah mengadakan kunjungan hormat ke atas YBhg. Datuk Abd Shukor bin Mahmood, Timbalan Ketua Setiausaha Kanan (TKSUK).



YBrs. Tuan W.Husbi bin W.Mohd, Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan, mengadakan kunjungan hormat ke atas YBhg. Dato' Indera Ikmalrudin bin Ishak, Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan dan Pembangunan), Jabatan Perdana Menteri.



YBrs. Tuan W.Husbi bin W.Mohd, Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan, telah mengadakan kunjungan hormat ke atas YBhg. Datuk Dr. Khairus Masnan bin Abdul Khalid, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)

PERALIHAN KEPIMPINAN CGSO: BAKTI DISANJUNG, BUDI DIJUNJUNG

Pada 29 Ogos 2025, Majlis Bakti Disanjung, Budi Dijunjung serta sesi *clock-out* telah diadakan di Lobi Setia Perdana 7, Kompleks Setia Perdana, Jabatan Perdana Menteri. Majlis ini diadakan khusus bagi menghargai kepimpinan serta jasa YBhg. Datuk Mas Rizal bin Mohd Hilmi, Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan ke-XVI, yang akan memulakan tugas sebagai Timbalan Ketua Setiausaha (Sumber Asli) di Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam.



Sepanjang menerajui Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO), YBhg. Datuk Mas Rizal bin Mohd Helmi telah menabur bakti dengan penuh dedikasi, meninggalkan legasi kepimpinan berwibawa yang menjadi inspirasi kepada seluruh warga CGSO.



Majlis penghargaan ini turut diserikan dengan kehadiran barisan Pengurusan Tertinggi, Pengarah-Pengarah Bahagian, Pengarah-Pengarah CGSO Negeri, wakil kader, serta seluruh warga CGSO. Kehadiran seluruh warga CGSO menjadi simbol penghormatan dan penghargaan atas kepimpinan, visi, dan sumbangan YBhg. Datuk Mas Rizal bin Mohd Helmi sepanjang tempoh perkhidmatan beliau.

MAJLIS PELUNCURAN KAMPUNG ANGKAT MADANI PEJABAT KETUA PEGAWAI KESELAMATAN KERAJAAN MALAYSIA, JABATAN PERDANA MENTERI



Program di bawah agenda Malaysia MADANI ini menerima peruntukan RM1 juta daripada Kementerian Kewangan bagi menaik taraf jalan, dewan terbuka, dewan utama, Dataran Kejat, Tanah Perkuburan Tun Saban serta gelanggang futsal. Inisiatif ini bukan sekadar pembangunan fizikal, tetapi turut memberi impak kepada aspek sosial, ekonomi dan keselamatan komuniti.



Program ini turut menyaksikan penyerahan sumbangan kepada 104 penerima meliputi 88 bakul makanan asas, 5 katil pesakit, 6 kerusi roda, 3 *portable speaker* (PA system) dan 2 khemah. Sumbangan ini menjadi simbol keprihatinan Kerajaan terhadap kesejahteraan komuniti desa.



Pada 17 Julai 2025, Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO), Jabatan Perdana Menteri telah melaksanakan Program Kampung Angkat MADANI (KAM) di Kampung Lalang, Gerik, Perak. Majlis perasmian disempurnakan oleh YBhg. Datuk Mas Rizal bin Mohd Hilmi, Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan.



Anggaran seramai 1,000 tetamu termasuk penduduk setempat, pelajar, guru, wakil agensi kerajaan dan warga CGSO dari pelbagai negeri telah hadir ke majlis ini. Antara aktiviti yang diadakan ialah rewang kenduri rakyat, sukan rakyat, bola sepak persahabatan, demonstrasi kebakaran, Jualan Rahmah, Pameran Kerjaya oleh Yayasan Bina Upaya (YBU), Busking, pertandingan *Mobile Legend*, Pameran Reruai dan Cabutan Bertuah.



Turut hadir memeriahkan majlis ialah Y.D.H. Toh Muda Orang Kaya Kaya Seri Adika Raja Shahbandar Muda. Dato' Ar. LA Meor Roslan bin Dato' Seri Hj. Meor Ahmad Rashidi, Orang Besar Daerah Hulu Perak; YBr. Encik Salehuddin Bin Isa, Pegawai Khas Menteri Besar bagi DUN Pengkalan Hulu; YBr. Tuan Mohamad Fitri Bin Hassan, Pegawai Daerah Hulu Perak; dan YBr. Tuan Supt. Abd Samad Bin Othman, Ketua Polis Daerah Gerik.

PROGRAM GOTONG-ROYONG PERDANA BUBUR ASYURA WARGA CGSO 2025



Program ini diadakan bagi menghidupkan semula amalan tradisi warisan budaya Islam yang sinonim dengan bulan Muharam, di samping memupuk semangat kerjasama, menyemai nilai keprihatinan, serta memperkukuh jalinan silaturahim dalam kalangan warga CGSO. Inisiatif ini juga selari dengan usaha membina suasana kerja yang harmoni, positif dan berpaksikan nilai Malaysia MADANI.



Turut menyerikan program ialah YBhg. Datuk Abd Shukor bin Mahmood, Timbalan Ketua Setiausaha Kanan, Jabatan Perdana Menteri; YBr. Puan Julaila binti Engan, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar); YBr. Tuan Haji Mohd Najib bin Surip, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi); Pengarah-Pengarah Bahagian; Pengarah Keselamatan Kerajaan CGSO Negeri Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Negeri Pahang; serta seluruh warga CGSO di Ibu Pejabat.

Sambutan hangat daripada semua lapisan warga CGSO membuktikan bahawa program seperti ini bukan sahaja mengeratkan hubungan dalaman organisasi, malah memperkukuh budaya kerja yang berteraskan nilai kebersamaan, keharmonian dan keprihatinan, sejajar dengan aspirasi perkhidmatan awam yang berintegriti, inklusif dan berjiwa rakyat.

Pada 25 Julai 2025, sempena keberkatan bulan Muharam, Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO), Jabatan Perdana Menteri melalui Kelab Sukan dan Kebajikan (KESKEB) CGSO telah menganjurkan Program Gotong-Royong Perdana Bubur Asyura bertempat di perkarangan Ibu Pejabat CGSO, Putrajaya.



Majlis disempurnakan oleh YBhg. Datuk Mas Rizal bin Mohd Hilmi, Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan, yang turut melibatkan diri secara langsung dalam penyediaan dan aktiviti memasak bubur Asyura bersama warga CGSO.



Sebanyak 250 bubur Asyura telah disediakan secara bergotong-royong dan diagihkan kepada seluruh warga CGSO sebagai simbol kasih sayang dan penghargaan atas komitmen mereka dalam melaksanakan amanah keselamatan negara. Agihan turut dilakukan secara simbolik oleh Ketua Pengarah bersama barisan pengurusan tertinggi kepada pegawai dan staf yang hadir.



MAJLIS PERBARISAN TAMAT LATIHAN KURSUS ASAS KESELAMATAN PERLINDUNGAN SKIM KESELAMATAN DAN PERTAHANAN AWAM BAGI GRED KP5 DAN KP1, SIRI 1 TAHUN 2025



Majlis Perbarisan Tamat Latihan telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Mas Rizal bin Mohd Hilmi, Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan, yang turut menyampaikan amanat penting kepada para pelatih agar sentiasa menjunjung tinggi nilai-nilai integriti, kerahsiaan dan profesionalisme dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai penjawat awam yang memegang amanah keselamatan negara.



Kursus ini dilaksanakan bagi mengukuhkan ketahanan fizikal dan mental, di samping memupuk jati diri, disiplin, kepimpinan dan semangat setiakawan dalam kalangan pelatih. Segala aspek ini menjadi persediaan penting sebelum mereka menyertai perkhidmatan secara rasmi.



Pada 10 Julai 2025, Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (ILKEM), Bandar Enstek, Negeri Sembilan sekali lagi mencatat lembaran bersejarah apabila seramai 66 orang pelatih lantikan baharu Skim Keselamatan dan Pertahanan Awam (KP) bagi Penolong Pegawai Keselamatan, Gred KP5 dan Pembantu Keselamatan, Gred KP1 berjaya menamatkan Kursus Asas Keselamatan Perlindungan, Siri 1 Tahun 2025 dengan jayanya.



Majlis ini turut diserikan dengan kehadiran Pengarah-pengarah Bahagian, Pengarah-pengarah Negeri, pegawai-pegawai kanan dan wakil-wakil kader serta ahli keluarga pelatih. Kehadiran mereka bukan sahaja memberi sokongan moral, malah menyemarakkan semangat kebersamaan dalam meraikan pencapaian para pelatih.



Dengan berakhirnya latihan asas ini, para pelatih kini bersedia menggalas amanah sebagai barisan hadapan keselamatan negara. Setinggi-tinggi tahniah dan syabas diucapkan kepada semua pelatih atas kejayaan menamatkan kursus ini. Semoga mereka terus berkhidmat dengan penuh iltizam, dedikasi dan taat setia demi menjaga kedaulatan serta keselamatan tanah air tercinta.

PROGRAM KURSUS KESEDARAN DAN AUDIT DALAM BAGI SISTEM PENGURUSAN KUALITI ISO 9001:2015 SERTA BUSINESS CONTINUITY MANAGEMENT SYSTEM (BCMS) ISO 22301:2019

Pada 1 Ogos 2025, Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO), Jabatan Perdana Menteri telah menganjurkan Program Kursus Kesedaran dan Audit Dalam bagi Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001:2015 serta Business Continuity Management System (BCMS) ISO 22301:2019. Program ini merupakan salah satu inisiatif Urus Setia ISO Pejabat CGSO bagi memberi kesedaran kepada warga organisasi tentang kepentingan dan kelebihan pensijilan kedua-dua sistem tersebut dalam meningkatkan kualiti kerja dan keberkesanan pengurusan perkhidmatan.



Bagi pensijilan BCMS, CGSO merupakan perintis dalam kalangan jabatan dan agensi kerajaan yang memperoleh pengiktirafan tersebut. Usaha ini bermula dengan termeterainya Memorandum Persefahaman (MoU) bersama CyberSecurity Malaysia (CSM) pada 7 Oktober 2020. Hasil komitmen dan kerjasama erat Jawatankuasa ISO serta warga CGSO, pada 1 Oktober 2021 Ketua Auditor CSM telah mengumumkan kejayaan

Pejabat CGSO memperoleh pensijilan ISO 22301:2019 BCMS bagi tempoh tiga (3) tahun, bermula 19 Oktober 2021 hingga 18 Oktober 2024. Penganjuran kursus pada kali ini diadakan sebagai langkah berterusan untuk mengekalkan dan memperbaharui pensijilan tersebut. Kejayaan ini menjadi bukti bahawa Pejabat CGSO sentiasa komited untuk mengekalkan standard tertinggi dalam pengurusan kualiti dan kesinambungan perkhidmatan, selaras dengan mandat menjaga keselamatan perlindungan negara.



Sesi kursus telah disampaikan oleh Encik Zaffarin bin Zainal, Perunding Pengurusan ISO, yang berkongsi kepakaran dan pengalaman berkaitan pelaksanaan standard antarabangsa ISO di sektor kerajaan. Seperti yang sedia maklum, Pejabat CGSO telah berjaya memperoleh dua (2) pensijilan International Organization for Standardization (ISO), iaitu ISO 9001:2015, Quality Management System (QMS) dan ISO 22301:2019, Business Continuity Management System (BCMS).



Bagi pensijilan QMS, CGSO mula memperolehnya pada tahun 2005 melalui Lloyd's Register Quality Assurance (LRQA), dan kemudiannya diperbaharui bersama NIOSH Certification bermula tahun 2023 sehingga kini. Sejak itu, CGSO melaksanakan tugas mengikut piawaian sistem pengurusan kualiti yang telah ditetapkan bagi memastikan mutu kerja dan penyampaian perkhidmatan sentiasa terpelihara. Skop QMS ini merangkumi pengurusan tapisan keselamatan, inspektorat, sasaran penting, kawasan larangan dan tempat larangan, perlindungan fizikal, kelengkapan keselamatan, latihan, peperiksaan serta penyelarasan.

INSPEKTORAT PEMATUHAAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN DI KONSULAT JENERAL MALAYSIA, SONGKHLA, THAILAND

Pada 16 Julai 2025, YBhg. Datuk Mas Rizal bin Mohd Hilmi, Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan, telah mengetuai delegasi Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO) dalam pelaksanaan Program Inspektorat Pematuhan Keselamatan Perlindungan di Konsulat Jeneral Malaysia, Songkhla, Thailand. Lawatan ini merupakan sebahagian daripada usaha berterusan CGSO dalam memastikan standard keselamatan perlindungan sentiasa dipatuhi, termasuk di pejabat perwakilan Malaysia di luar negara.



Program yang dikendalikan oleh BIPP ini memberi tumpuan kepada penilaian tahap pematuhan keselamatan perlindungan di pejabat Konsulat, di samping menyediakan khidmat nasihat berhubung Pelan Kesyntambungan Perkhidmatan. Langkah ini amat penting bagi memastikan kesiapsiagaan organisasi, keselamatan aset, dan perlindungan maklumat sulit kerajaan berada pada tahap yang optimum.

Selain penilaian teknikal, program ini turut menjadi platform penting untuk memperkukuh hubungan strategik antara CGSO dan Kementerian Luar Negeri. Sepanjang lawatan, telah diadakan sesi kunjungan hormat yang membincangkan aspek kolaborasi jangka panjang, perkongsian amalan terbaik, dan langka penambahbaikan berterusan dalam bidang keselamatan perlindungan di peringkat antarabangsa.



Delegasi ini turut disertai oleh Encik Mazlan bin Md Noor, Pengarah Bahagian Inspektorat Pematuhan dan Pengiktirafan (BIPP); Encik Mohd Saiful Hisham bin Md Salleh, Pengarah Bahagian Keselamatan ICT dan Rahsia Rasmi; Encik Mohd Radzi bin Jamalluddin, Pengarah Bahagian Sasaran Penting, Kawasan Larangan dan Tempat Larangan; Encik Mohd Faizul bin Mohd Nor, Pengarah Bahagian Penyelarasan & Korporat dan Encik Muhamad Asri bin Abu Samah, Penolong Pengarah BIPP.



Usaha ini mencerminkan komitmen berterusan CGSO untuk memastikan keselamatan negara sentiasa terpelihara, bukan sahaja di dalam negara tetapi juga di pejabat perwakilan Malaysia di luar negara.

KEMERDEKAAN DAN KESELAMATAN NEGARA

Kemerdekaan sesebuah negara bukan sekadar tanda bebas daripada kuasa penjajahan, tetapi simbol kebangkitan bangsa dalam menentukan haluan dan masa depannya sendiri. Laungan “Merdeka!” yang bergema pada 31 Ogos 1957 menjadi titik tolak kepada pembentukan sebuah negara berdaulat yang diasaskan atas perpaduan dan semangat perjuangan rakyat. Namun, kemerdekaan bukan titik penamat kerana ia adalah permulaan kepada tanggungjawab yang lebih besar untuk mempertahankan kedaulatan negara dalam semua aspek, termasuk keselamatan politik, ekonomi, sosial dan teknologi. Dalam konteks Malaysia, keselamatan merupakan nadi kepada kelangsungan kemerdekaan itu sendiri.



Kemerdekaan tidak akan bermakna tanpa jaminan keselamatan yang kukuh. Keselamatan negara bukan sekadar urusan ketenteraan atau pertahanan fizikal, tetapi turut meliputi pemeliharaan kestabilan politik, kesejahteraan masyarakat dan perlindungan maklumat rasmi kerajaan. Peranan institusi seperti Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO) amat penting dalam memastikan rahsia rasmi dan dokumen kerajaan dilindungi daripada sebarang bentuk ancaman, kebocoran atau penyalahgunaan. Melalui pelaksanaan dasar dan latihan keselamatan perlindungan, termasuk Arahan Keselamatan (Semakan dan Pindaan 2017), usaha ini membantu memperkukuh keutuhan pentadbiran dan kepercayaan rakyat terhadap kerajaan.

Selepas lebih enam dekad merdeka, bentuk ancaman terhadap negara semakin kompleks. Jika dahulu keselamatan tergugat oleh penjajahan dan konflik bersenjata, kini ia diancam melalui ruang siber, manipulasi maklumat, dan peperangan psikologi. Serangan siber terhadap sistem kerajaan, penyebaran berita palsu, serta penyalahgunaan data merupakan antara cabaran yang boleh menjejaskan kestabilan negara. Justeru, kesedaran terhadap keselamatan maklumat dan data kerajaan perlu menjadi budaya kerja dalam setiap lapisan perkhidmatan awam agar kemerdekaan negara sentiasa terpelihara.



Penjawat awam merupakan barisan hadapan dalam mempertahankan kemerdekaan melalui kecekapan, integriti dan kesetiaan terhadap negara. Nilai-nilai seperti amanah, tanggungjawab dan kerahsiaan maklumat adalah asas kepada kelangsungan keselamatan negara. Di bawah naungan Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (ILKEM), pelbagai program kesedaran dan latihan dilaksanakan bagi memupuk kefahaman tentang pentingnya keselamatan perlindungan dalam tugas seharian. Pertahanan negara bukan sahaja terletak di sempadan, tetapi juga di setiap meja kerja penjawat awam yang menjaga dokumen rahsia dan maklumat strategik dengan penuh disiplin.



Kemerdekaan yang kita warisi adalah hasil pengorbanan generasi terdahulu. Maka menjadi tanggungjawab generasi kini untuk mengisi makna kemerdekaan dengan patriotisme berasaskan tindakan, bukan hanya kata-kata. Menjaga keselamatan negara bermaksud memelihara ketenteraman masyarakat, memerangi penyelewengan, dan memastikan dasar kerajaan dilaksanakan dengan amanah. Apabila semangat patriotisme ini diterjemahkan melalui kerja yang jujur dan berdisiplin, barulah kemerdekaan dapat dirasakan dalam bentuk yang sebenar iaitu kesejahteraan rakyat dan kestabilan negara yang berpanjangan.

Kemerdekaan dan keselamatan adalah dua tonggak yang tidak dapat dipisahkan. Kemerdekaan memberikan kita hak untuk berdiri sebagai bangsa yang berdaulat, manakala keselamatan memastikan hak itu terus terpelihara daripada ancaman. Setiap rakyat Malaysia, khususnya dalam perkhidmatan awam, perlu terus menanam kesedaran bahawa mempertahankan keselamatan negara adalah tanggungjawab bersama. Semangat kemerdekaan tidak hanya diingat setiap 31 Ogos, tetapi perlu dizahirkan setiap hari melalui amanah, disiplin, dan kesetiaan kepada negara tercinta.



Sumber Rujukan:

1. Arkib Negara Malaysia. (1957). Dokumen Pengisytiharan Kemerdekaan Tanah Melayu.
2. Jabatan Penerangan Malaysia. (2024). Tema dan Logo Hari Kebangsaan.
3. Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO). (2017). Arahan Keselamatan (Edisi 2017).
4. Ramlah Adam. (2010). Sejarah Malaysia. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
5. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). (2023). Etika dan Nilai Dalam Perkhidmatan Awam.

"RAHSIAKAN RAHSIA KERAJAAN"



**ENCIK AHMAD TAQUIUDDIN BIN MAT TAJUDDIN
PENOLONG PEGAWAI KESELAMATAN**

UNIT INTEGRITI CGSO

INTEGRITI: TONGGAK KEJAYAAN INDIVIDU DAN ORGANISASI

Integriti merupakan satu nilai murni yang merangkumi kejujuran, amanah, ketelusan serta kesetiaan terhadap prinsip moral dan etika. Dalam kehidupan seharian, integriti menjadi asas kepada pembentukan keperibadian yang baik serta memastikan setiap tindakan sentiasa berlandaskan nilai kebenaran. Secara ringkas, integriti membawa maksud keselarasan antara kata-kata dan perbuatan. Individu yang berintegriti akan melaksanakan tanggungjawab dengan jujur, menolak penyelewengan, tidak mengambil kesempatan dan tetap berpegang pada prinsip walaupun berada bersendirian tanpa pengawasan.



Pada skala yang lebih luas, integriti turut berperanan dalam meningkatkan imej negara. Pentadbiran negara yang berteraskan integriti melahirkan kepimpinan yang bersih, telus dan berakuntabiliti. Keadaan ini bukan sahaja memperkukuh keyakinan rakyat terhadap kerajaan, malah turut meningkatkan keyakinan pelabur asing untuk menjalin kerjasama ekonomi. Negara yang mengekalkan budaya integriti pastinya lebih berwibawa dan dihormati di persada antarabangsa.

Integriti merupakan asas penting dalam kehidupan individu, organisasi dan negara. Nilai ini bukan sahaja menjadi penentu kepada keperibadian seseorang, malah memberi kesan besar terhadap pembangunan masyarakat dan kesejahteraan negara. Antara kepentingan utama integriti adalah dalam aspek membentuk kepercayaan. Individu yang berintegriti lebih mudah dipercayai oleh orang sekeliling, sama ada dalam keluarga, di tempat kerja mahupun dalam masyarakat. Kejujuran dan ketelusan yang ditonjolkan akan melahirkan keyakinan serta menjadikan hubungan lebih harmoni dan berkesan. Selain itu, integriti juga berperanan dalam mengukuhkan organisasi. Apabila sesebuah organisasi mengamalkan integriti, ia akan lebih dihormati dan diyakini. Hal ini sekali gus membantu mewujudkan budaya kerja yang telus, produktif, dan bebas daripada amalan negatif seperti rasuah dan penyelewengan. Organisasi yang berintegriti mampu mencapai matlamatnya dengan lebih berkesan kerana warganya berpegang kepada prinsip kejujuran dan tanggungjawab.



Selain itu, CGSO turut menyelaraskan pematuan Akta Rahsia Rasmi 1972 serta dasar keselamatan perlindungan kerajaan. Tanggungjawab ini menuntut penjawat awam untuk bersikap amanah, telus dan berdisiplin dalam menguruskan maklumat terperingkat agar kerahsiaan, keselamatan dan kepentingan negara sentiasa terjamin. Di samping itu, CGSO juga melaksanakan pelbagai program latihan, kursus dan bengkel bagi meningkatkan kesedaran serta kefahaman warga kerajaan tentang kepentingan integriti, disiplin dan akauntabiliti. Melalui inisiatif ini, penjawat awam didedahkan dengan nilai-nilai murni yang perlu diamalkan dalam menjalankan tugas seharian. CGSO turut memainkan peranan dalam memantau serta menilai tahap keselamatan perlindungan di kementerian, jabatan dan agensi Kerajaan. Pemantauan ini penting untuk mengesan kelemahan serta mencegah sebarang bentuk salah laku atau penyelewengan sebelum ia menjejaskan keutuhan organisasi dan negara.



Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO) merupakan agensi utama yang berperanan penting dalam memperkukuh budaya integriti dalam kalangan penjawat awam. Sebagai organisasi yang bertanggungjawab terhadap aspek keselamatan perlindungan kerajaan, CGSO memastikan nilai integriti tidak hanya menjadi slogan, tetapi diamalkan secara menyeluruh dalam pelaksanaan tugas dan tanggungjawab. Antara peranan utama CGSO adalah menggubal dasar dan garis panduan keselamatan perlindungan yang menjadi rujukan kepada semua Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan. Dasar ini bukan sahaja menekankan aspek pengurusan keselamatan, malah turut memastikan setiap penjawat awam mengutamakan integriti ketika menjalankan tugas.



Kesimpulannya, integriti adalah asas penting dalam pembentukan individu, masyarakat dan negara yang cemerlang. Tanpa integriti, usaha pembangunan akan pincang serta mudah terdedah kepada gejala negatif. Dalam konteks perkhidmatan awam, CGSO berperanan sebagai benteng utama dalam memperkukuh nilai integriti melalui dasar keselamatan perlindungan, latihan berterusan dan pemantauan rapi. Oleh itu, setiap individu wajar menjadikan integriti sebagai amalan hidup, manakala organisasi dan kerajaan perlu terus memacu agenda integriti melalui pelaksanaan dasar yang telus dan adil. Hanya dengan cara ini, persekitaran yang bersih, berakauntabiliti dan sejahtera dapat diwujudkan demi kesejahteraan bersama serta kelangsungan negara yang berwibawa.

Sumber Rujukan:

1. Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia. (n.d.). Fungsi CGSO. Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia.
2. Dewan Bahasa dan Pustaka. (n.d.). Integriti. Dalam Kamus Dewan Edisi Keempat. Dewan Bahasa dan Pustaka.
3. Umar, A. (2024, Ogos 5). Integriti yang sering dikhianati. Tinta Minda. Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama).
4. Universiti Putra Malaysia. (2023, Ogos 30). Integriti di tempat kerja: Definisi dan contoh. UPM Audit. Universiti Putra Malaysia.



**ENCIK MOHD ASWAD BIN SAMDAN
PEMBANTU KESELAMATAN KERAJAAN**

**INSTITUT LATIHAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN MALAYSIA
(ILKEM)**

BEKERJA DENGAN JIWA, BERKHIDMAT DENGAN MAKNA

Adakah kita hadir ke tempat kerja dengan penuh semangat, atau sekadar memenuhi rutin tanggungjawab harian? Dalam landskap pekerjaan masa kini yang semakin mencabar, kesejahteraan psikologi dan rasa kepunyaan bukan lagi dianggap sebagai keistimewaan, malah menjadi keperluan asas bagi menjamin kelangsungan dan keberkesanan sesebuah organisasi. Laporan Well-being@Work 2025 mendedahkan hanya 62 peratus pekerja di Malaysia menilai kesejahteraan psikologi mereka berada pada tahap memuaskan, manakala 40 peratus berisiko mengalami tekanan psikososial di tempat kerja. Lebih membimbangkan, kajian oleh OpenPrivilege (2024) mendapati 67 peratus pekerja muda berumur antara 18 hingga 30 tahun mengalami keletihan emosi akibat tekanan kerja, kekangan masa, serta budaya organisasi yang terlalu kaku. Kesan daripada isu ini tidak boleh dipandang ringan. Menurut RSIS International (2023), Malaysia dianggarkan kehilangan hampir 17 juta hari bekerja setiap tahun akibat masalah kesejahteraan mental yang tidak ditangani secara menyeluruh.



Sebagai agensi strategik yang memikul tanggungjawab keselamatan perlindungan negara, Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO) bukan sahaja memerlukan kecemerlangan operasi, malah perlu memberi penekanan kepada kesejahteraan dalaman warga kerjanya. Dalam konteks ini, rasa kepunyaan dan kesejahteraan psikologi menjadi asas penting kepada kesetiaan, motivasi, dan prestasi kerja yang mampan. Kajian oleh Ahn, Chiu dan Patrick (2021) menunjukkan bahawa pekerja yang merasakan sokongan psikologi serta memiliki keterikatan yang tinggi dengan organisasi cenderung untuk mencapai prestasi yang lebih baik dan menunjukkan semangat kerja yang konsisten. Dapatan kajian oleh Lim, Ismail dan Kamaruddin (2022) turut mengesahkan bahawa kesejahteraan psikologi berperanan sebagai penghubung penting antara sokongan organisasi dan tahap kesetiaan pekerja dalam sektor perkhidmatan awam.





Selain itu, rasa kepunyaan merupakan keperluan psikologi asas yang memberi individu perasaan selamat, diterima, dan dihargai dalam komuniti sosial mereka. Dalam konteks organisasi, apabila warga kerja merasakan bahawa mereka adalah sebahagian daripada komuniti yang lebih besar, mereka cenderung untuk menunjukkan komitmen yang tinggi, mengalami tahap tekanan kerja yang lebih rendah, serta memiliki ketahanan emosi yang lebih baik. Sebagai salah satu inisiatif ke arah peningkatan kesejahteraan dalaman, Pendekatan Budaya 3S iaitu Seronok, Setia, Selamat. Ia merupakan strategi organisasi yang selari dengan Self-Determination Theory oleh Deci dan Ryan (2000) iaitu ;

Seronok

Suasana kerja yang positif dan menyenangkan membantu menyuburkan emosi, meningkatkan keterlibatan kerja, serta mengurangkan tekanan. Kajian oleh Salleh dan Afiah (2023) mendapati program seperti penghargaan staf, sambutan bulanan, dan komunikasi dua hala memberi impak positif terhadap semangat kerja dalam kalangan penjawat awam.

Setia

Kesetiaan lahir daripada rasa dihargai dan diiktiraf. Lim et al. (2022) menyatakan bahawa penghargaan organisasi berkait secara langsung dengan komitmen kerja dan kesejahteraan psikologi. Di CGSO, usaha memperkukuh nilai saling percaya dan pengiktirafan menjadi asas penting dalam mengekalkan kesetiaan jangka panjang.

Selamat

Keselamatan psikologi merujuk kepada kebebasan untuk menyuarakan pendapat dan mencuba perkara baharu tanpa rasa takut dihukum (Edmondson, 1999). Kajian oleh Lee dan Ramli (2021) membuktikan bahawa persekitaran kerja yang membenarkan percubaan dan kesilapan mendorong inovasi serta meningkatkan kesejahteraan profesional dalam kalangan penjawat awam.



Usaha ke arah kesejahteraan bukan hanya terletak di bahu pihak pengurusan semata-mata, malah memerlukan penglibatan aktif setiap warga CGSO. Peranan ini boleh dizahirkan melalui tindakan-tindakan kecil tetapi bermakna yang memberi impak besar kepada suasana kerja dan kesejahteraan bersama. Antara langkah yang boleh diambil termasuklah memberikan sokongan emosi dan penghargaan kepada rakan sekerja sebagai tanda saling menghormati dan menghargai sumbangan mereka.

Selain itu, penyampaian maklum balas secara berhemah juga penting bagi memupuk suasana kerja yang positif dan membina. Penyertaan aktif dalam aktiviti jabatan pula dapat mengukuhkan semangat kebersamaan dan meningkatkan rasa kepunyaan dalam organisasi. Tidak kurang pentingnya, setiap warga perlu menyokong dasar yang mengutamakan keseimbangan emosi dan mental, agar persekitaran kerja yang harmoni dan lestari dapat terus diperkukuh demi kesejahteraan semua.



Keseluruhannya, rasa kepunyaan dan kesejahteraan psikologi bukan sekadar elemen sampingan, tetapi asas kepada budaya kerja yang berdaya tahan dan berprestasi tinggi. Melalui penghayatan Budaya 3S iaitu Seronok, Setia, Selamat. CGSO bukan sahaja membentuk warga kerja yang cekap dan berdedikasi, malah memperkukuh identiti organisasi yang inklusif, stabil, dan mampan. Apabila warga merasa dimiliki dan sejahtera, semangat berkhidmat akan lahir dengan tulus demi keselamatan negara dan kesejahteraan bersama.

Sumber Rujukan:

1. Ahn, I., Chiu, M. M., & Patrick, H. (2021). Menghubungkan motivasi guru dan pelajar: Amalan sokongan keperluan guru yang dirasakan dan kepuasan keperluan pelajar. *Learning and Instruction*, 71, 101373. <https://doi.org/10.1016/j.learninstruc.2020.101373>
2. Baumeister, R. F., & Leary, M. R. (1995). Keperluan untuk menjadi sebahagian: Hasrat terhadap keterikatan interpersonal sebagai motivasi asas manusia. *Psychological Bulletin*, 117(3), 497–529.
3. Cheng, Y., Wang, S., Li, X., & Zhang, Y. (2022). Rasa kepunyaan di tempat kerja: Satu meta-analisis. *Journal of Organizational Behavior*, 43(2), 213–234. <https://doi.org/10.1002/job.2589>
4. Deci, E. L., & Ryan, R. M. (2000). "Apa" dan "mengapa" dalam pencapaian matlamat: Keperluan manusia dan penentuan sendiri tingkah laku. *Psychological Inquiry*, 11(4), 227–268.
5. Edmondson, A. (1999). Keselamatan psikologi dan tingkah laku pembelajaran dalam pasukan kerja. *Administrative Science Quarterly*, 44(2), 350–383.
6. Lee, C. H., & Ramli, N. H. (2021). Keselamatan psikologi dan tingkah laku inovatif: Peranan pengantara tingkah laku pembelajaran. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 6(2), 130–139.
7. Lim, N. H., Ismail, I. A., & Kamaruddin, A. F. (2022). Sokongan organisasi, kesejahteraan psikologi dan komitmen afektif dalam kalangan penjawat awam di Malaysia. *Asian Journal of Behavioural Sciences*, 4(1), 14–22.
8. OpenPrivilege. (2024). Keletihan kerja dalam kalangan profesional muda Malaysia: Laporan kebangsaan. OpenPrivilege Insights.
9. Organizational Psychology Centre. (2025). Well-being@Work: Laporan kesihatan mental di Malaysia. OPC Publications.
10. RSIS International. (2023). Laporan kesihatan mental dan produktiviti di tempat kerja. RSIS Research Group.

AKTIVITI YANG DIJALANKAN DI ILKEM

JULAI

BIL	AKTIVITI JULAI 2025	TARIKH
1	KURSUS PENOLONG PEGAWAI KESELAMATAN JABATAN (PPKJ) (ADSO 1002) SIRI 2/2025	01 - 03 JULAI 2025
2	KURSUS PENGAWALAN KESELAMATAN FIZIKAL (SGC 1013) SIRI 3/2025	01 - 03 JULAI 2025
3	BENGKEL TOT KESELAMATAN FIZIKAL SIRI 3/2025	02 – 03 JULAI 2025
4	KURSUS BASIC LIFE SUPPORT - CPR & PERTOLONGAN CEMAS SIRI 2/2025	02 – 03 JULAI 2025
5	PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN PENGAWAL KESELAMATAN GRED KP11 DI JABATAN PERDANA MENTERI DAN PELBAGAI JABATAN	03 JULAI 2025
6	SESI PEMURNIAN GARIS PANDUAN DAN PEMBANGUNAN STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP) PEPERIKSAAN TAHUN 2025	4 JULAI 2025
7	KURSUS ASAS PENGENDALIAN T BATONSIRI 2/2025	06 – 10 JULAI 2025
8	KURSUS PEGAWAI PENGELAS (COC 1003) SIRI 3/2025	08 - 09 JULAI 2025
9	KURSUS TOT BERKAITAN PELAKSANAAN INSPEKTORAT KESELAMATAN SIRI 1/2025	15 – 16 JULAI 2025
10	KURSUS KAWALAN DOKUMEN RASMI DAN DOKUMEN RAHSIA RASMI BAGI PENDAFTAR RAHSIA, PEMBANTU KHAS DAN KESETIAUSAHAAN PEJABAT (SRC 1007) SIRI 3/2025	15 – 16 JULAI 2025
11	SESI PENGUJIAN PAT BAGI PROJEK PEMBANGUNAN SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN (EPROTECTIVE SECURITY)	17, 21 DAN 24 - 25 JULAI 2025
12	MESYUARAT PANEL PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN SUBJEK JABATAN DAN PENINGKATAN SECARA LANTIKAN (PSL) BAGI PEGAWAI KESELAMATAN GRED KP9 DAN PENOLONG PEGAWAI KESELAMATAN GRED KP5 PEJABAT KETUA PEGAWAI KESELAMATAN MALAYSIA BILANGAN 4/2025	25 JULAI 2025
13	KURSUS ASAS KOMUNIKASI BERKESAN (WALKIE TALKIE) SIRI 3/2025	28 – 29 JULAI 2025

AKTIVITI YANG DIJALANKAN DI ILKEM

OGOS

BIL	AKTIVITI OGOS 2025	TARIKH
1	KURSUS PROFESIONALISME PEGAWAI KESELAMATAN JABATAN (PKJ)/ PENOLONG PEGAWAI KESELAMATAN JABATAN (PPKJ) DAN PEGAWAI PENGELAS ANJURAN IBU PEJABAT MARA BAGI TAHUN 2025 SIRI 2	04-05 OGOS 2025
2	KURSUS PENGURUSAN RAHSIA RASMI ANJURAN AKADEMI SAINS MALAYSIA	12-13 OGOS 2025
3	KURSUS PERSEDIAAN INSPEKTORAT ANUGERAH KHAS KESELAMATAN PERLINDUNGAN ANJURAN KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA (KESUMA)	06-07 OGOS 2025
4	KURSUS PEGAWAI KESELAMATAN JABATAN (PKJ) DAN PENOLONG PEGAWAI KESELAMATAN JABATAN (PPKJ) ANJURAN KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA (KESUMA)	18-19 OGOS 2025
5	KURSUS PENGURUSAN DOKUMEN RAHSIA RASMI ANJURAN KETUA PENDAFTAR MAHKAMAH PERSEKUTUAN (PKPMP)	11-12 OGOS 2025
6	KURSUS PENGENDALIAN DAN PENGURUSAN DOKUMEN RAHSIA RASMI ANJURAN INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)	12-14 OGOS 2025
7	KURSUS PENGURUSAN REKOD ANJURAN BAHAGIAN PENGURUSAN REKOD JABATAN PENDAFTARAN NEGARA	08-10 OGOS 2025
8	KURSUS PROFESIONALISME PEGAWAI KESELAMATAN JABATAN (PKJ) DAN PENOLONG PEGAWAI KESELAMATAN JABATAN (PPKJ) ANJURAN MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA	05-06 OGOS 2025
9	TAKLIMAT PENDAFTARAN E-VETTING 3.0 ANJURAN AKADEMI BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA WILAYAH TENGAH	19 OGOS 2025
10	KURSUS PEGAWAI PENGELAS ANJURAN KEMENTERIAN DALAM NEGERI (KDN)	08-09 OGOS 2025
11	BENGKEL PEMBANGUNAN PELAN KESINAMBUNGAN PERKHIDMATAN (BCP) SIRI 1 ANJURAN KEMENTERIAN EKONOMI	13-15 OGOS 2025
12	KURSUS PEGAWAI PENGELAS DAN PENDAFTAR KECIL RAHSIA ANJURAN JABATAN DIGITAL NEGARA (JDN)	15-17 OGOS 2025
13	BENGKEL PENGEMASKINIAN PELAN KESINAMBUNGAN PERKHIDMATAN (BCP) ANJURAN JABATAN KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN (JKPTG)	13-15 OGOS 2025
14	KURSUS KESEDARAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN ANJURAN PUSAT LATIHAN PERKEMBANGAN DAN PENGEMBANGAN WILAYAH UTARA. JABATAN PERTANIAN MALAYSIA	12-14 OGOS 2025
15	KURSUS PROFESIONALISME PEGAWAI KESELAMATAN JABATAN (PKJ) DAN PENOLONG PEGAWAI KESELAMATAN JABATAN (PPKJ) ANJURAN JABATAN PENGARIAN DAN SALIRAN NEGERI KEDAH	25-26 OGOS 2025

AKTIVITI YANG DIJALANKAN DI ILKEM

OGOS

16	KURSUS PROFESIONALISME PEGAWAI KESELAMATAN JABATAN (PKJ) DAN PENOLONG PEGAWAI KESELAMATAN JABATAN (PPKJ) ANJURAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA	19 OGOS 2025
17	TAKLIMAT PELANTIKAN PEGAWAI KESELAMATAN JABATAN (PKJ) DAN PENOLONG PEGAWAI KESELAMATAN JABATAN (PPKJ) ANJURAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT NEGERI SELANGOR	20 OGOS 2025
18	BENGKEL PENGURUSAN DOKUMEN TERPERINGKAT ANJURAN KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH (KKDW)	20-22 OGOS 2025
19	TAKLIMAT PENGENALAN PELAN KESINAMBUNGAN PERKHIDMATAN (PKP) ANJURAN PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN (PTG) NEGERI PERAK	26 OGOS 2025
20	BENGKEL PENGURUSAN INSPEKTORAT KESELAMATAN PERLINDUNGAN ANJURAN KEMENTERIAN PELABURAN PERDAGANGAN DAN INDUSTRI (MITI)	11-12 OGOS 2025
21	SESI COACHING BAGI PERSEDIAAN INSPEKTORAT ANUGERAH KHAS KESELAMATAN PERLINDUNGAN DI KEMENTERIAN KESIHATAN	05-06 OGOS 2025
22	SESI TAKLIMAT KHAS SISTEM E-VETTING 3.0 ANJURAN PEJABAT PENTADBIRAN SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR	12 OGOS 2025
23	KURSUS PENGENALAN DAN ASAS BAGI PEGAWAI LANTIKAN BAHARU GRED 5 PERKHIDMATAN GUNASAMA PERSEKUTUAN ANJURAN JABATAN PERKHIDMATAN AWAM	18 OGOS 2025
24	BENGKEL PENGEMASKINIAN DOKUMEN PELAN KESINAMBUNGAN PERKHIDMATAN (PKP) ANJURAN JABATAN METEOROLOGI MALAYSIA	12 OGOS 2025
25	KURSUS KESEDARAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN ANJURAN PUSAT LATIHAN DAN PEMBANGUNAN PEGEMBANGAN WILAYAH SELATAN ANJURAN JABATAN PERTANIAN	19-21 OGOS 2025
26	TAKLIMAT ARAHAN KESELAMATAN ANJURAN INSTITUT KEFAHAMAN ISLAM	22-24 OGOS 2025
27	KURSUS SISTEM E-VETTING 3.0 ANJURAN SYARIKAT JAMBATAN KEDUA SDN BHD	28 OGOS 2025
28	KURSUS PENGURUSAN KESELAMATAN SASARAN PENTING DAN KAWASAN LARANGAN DAN TEMPAT LARANGAN ANJURAN GROUP SECURITY CAPABILITY & KNOWLEDGE (CKM)	25-27 OGOS 2025
29	KURSUS PROFESIONALISME PEGAWAI KESELAMATAN JABATAN (PKJ) DAN PENOLONG PEGAWAI KESELAMATAN JABATAN (PPKJ) ANJURAN DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA	20-21 OGOS 2025

AKTIVITI YANG DIJALANKAN DI ILKEM

OGOS

30	KURSUS PROFESIONALISME PEGAWAI KESELAMATAN JABATAN (PKJ) DAN PENOLONG PEGAWAI KESELAMATAN JABATAN (PPKJ) DAN PENGURUSAN ICT ANJURAN PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI TERENGGANU	25-26 OGOS 2025
31	KURSUS PENDAFTAR RAHSIA ANJURAN JABATAN PERDANA MENTERI	26-27 OGOS 2025
32	KURSUS SISTEM E-VETTING 3.0 ANJURAN SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH	19-20 OGOS 2025
33	KURSUS KESELAMATAN PERLINDUNGAN DOKUMEN TERPERINGKAT ANJURAN CAWANGAN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN ANJURAN BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA, KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA	26-28 OGOS 2025
34	KURSUS PENGURUSAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN DOKUMEN KERAJAAN ANJURAN UNIT KERJASAMA AWAM SWASTA, JABATAN PERDANA MENTERI	28-30 OGOS 2025
35	KURSUS FITNESS AND HEALTH SIRI 2/2025	04 - 07 OGOS 2025
36	BENGKEL TRAINING OF TRAINERS PELAKSANAAN PKP DI SEKTOR AWAM SIRI 2/2025	11 - 12 OGOS 2025
37	BENGKEL TRAINING OF TRAINERS PENGURUSAN SASARAN PENTING & KAWASAN LARANGAN TEMPAT LARANGAN SIRI 2/2025	19 - 20 OGOS 2025
38	KURSUS LANJUTAN KOMUNIKASI BERKESAN (WALKIE TALKIE) SIRI 2/2025	19 - 20 OGOS 2025

AKTIVITI YANG DIJALANKAN DI ILKEM

SEPTEMBER

BIL	AKTIVITI SEPTEMBER 2025	TARIKH
1	BENGKEL PEMBANGUNAN MODUL JURULATIH KAWAD KAKI	09 - 11 SEPTEMBER 2025
2	KURSUS KESEDARAN AWAM (ASAS KAWALAN KEBAKARAN) SIRI 3/2025	09 - 11 SEPTEMBER 2025
3	KURSUS PEGAWAI PENGELAS (COC 1003)	09 - 10 SEPTEMBER 2025
4	KURSUS KAWALAN DOKUMEN RAHSIA RASMI BAGI PENDAFTAR RAHSIA, PEMBANTU KHAS DAN KESETIAUSAHAAN PEJABAT (SRC1007)	09 - 10 SEPTEMBER 2025
5	BENGKEL PENGENDALIAN BUKU DAFTAR SURATAN RAHSIA RASMI AM 492, AM 492A DAN AM 492B (SRC1008) SIRI 3/2025	09 - 10 SEPTEMBER 2025
6	BENGKEL PENGENDALIAN BUKU DAFTAR SURATAN RAHSIA RASMI AM 492, AM 492A DAN AM 492B (SRC1008) SIRI 4/2025	09 - 10 SEPTEMBER 2025
7	KURSUS PENGUKUHAN KESELAMATAN PERSONEL (P SW 3003)	09 - 10 SEPTEMBER 2025
8	KURSUS PENGENDALIAN T BATON	22 - 26 SEPTEMBER 2025
9	KURSUS INTEGRITI	23 - 24 SEPTEMBER 2025
10	KURSUS KAWALAN DOKUMEN RAHSIA RASMI (DCC 1008) SIRI 4/2025	23 - 24 SEPTEMBER 2025
11	KURSUS PENGENALAN KESEDARAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ICT) (ITS 1004)	23 - 24 SEPTEMBER 2025
12	PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN PEMBANTU KESELAMATAN GRED KP1 (KUP) DI JPM DAN PELBAGAI JABATAN	23 - 24 SEPTEMBER 2025

KURSUS BASIC LIFE SUPPORT – CPR & PERTOLONGAN CEMAS

Pada 2 hingga 3 Julai 2025, Kursus Basic Life Support – CPR & Pertolongan Cemas Siri 2/2025 telah berjaya dianjurkan dengan melibatkan penyertaan seramai 32 orang pegawai daripada pelbagai jabatan. Kursus yang berlangsung selama dua hari ini telah diadakan di ILKEM.



Kursus ini turut menampilkan dua orang penceramah jemputan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia iaitu Dr. Nur Azlinawani binti Hussin (KKM) dan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia iaitu Kapt. (PA) Mohamad Ridzuan bin Mohamed Bunian (APM). Penceramah telah berkongsi pelbagai input dan pengetahuan penting berdasarkan pengalaman lapangan serta isu-isu semasa yang berkaitan pengurusan bantuan yang betul.



Kursus ini dirancang dengan tujuan utama untuk memberikan pendedahan menyeluruh kepada para Pegawai Keselamatan Kerajaan berkaitan kepentingan dan pelaksanaan teknik Bantuan Hidup Asas (Basic Life Support - CPR) yang betul. Melalui kursus ini, para peserta akan didedahkan kepada pengetahuan secara teori dan praktikal mengenai kaedah menangani situasi kecemasan yang melibatkan mangsa henti jantung-paru (cardiorespiratory arrest) serta kes saluran pernafasan tersumbat (airway choking). Latihan ini memberi penekanan kepada kemahiran asas penyelamatan nyawa yang boleh diaplikasikan tanpa penggunaan sebarang peralatan perubatan, seterusnya meningkatkan tahap kesiapsiagaan dan kecekapan pegawai dalam menghadapi insiden kecemasan di lapangan.



Dengan penganjuran kursus ini, diharapkan para peserta dapat menguasai kemahiran asas ini dengan baik serta mampu bertindak pantas dan berkesan bagi menyelamatkan nyawa dalam keadaan kecemasan.

KURSUS KAWALAN DOKUMEN RASMI DAN DOKUMEN RAHSIA RASMI BAGI PENDAFTAR RAHSIA, PEMBANTU KHAS DAN KESETIAUSAHAAN PEJABAT



Pada 15 hingga 16 Julai 2025, Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (ILKEM) telah menganjurkan Kursus Kawalan Dokumen Rasmi dan Dokumen Rahsia Rasmi bagi Pendaftar Rahsia, Pembantu Khas dan Kesetiausahaan Pejabat dengan jayanya.

Kursus selama dua hari ini melibatkan penyertaan seramai 66 orang peserta daripada pelbagai kementerian, jabatan dan agensi. Penganjuran kursus ini bertujuan memberikan pengetahuan dan pemahaman yang lebih mendalam mengenai pengendalian dokumen rasmi dan rahsia rasmi di jabatan, di samping memperjelas prosedur yang betul, tepat dan jelas berkaitan pengurusan dokumen rahsia rasmi.

Kursus ini telah menampilkan tiga orang penceramah berpengalaman, iaitu Encik Muhammad Amin Bin Mohd Razali daripada Arkib Negara Malaysia, Encik Syamil Bin Khalid daripada Agensi Nuklear Malaysia dan Encik Mohd Nadzri Bin Sofian daripada Ibu Pejabat CGSO. Para penceramah telah berkongsi ilmu serta pengalaman berkaitan aspek pengurusan keselamatan dokumen rasmi, termasuk tatacara pengendalian, penyimpanan, pemindahan, dan pemusnahan dokumen rahsia.



Melalui kursus ini, para peserta berpeluang meningkatkan kefahaman mengenai peraturan dan tatacara pengurusan dokumen, seterusnya memperkukuh kompetensi mereka dalam memastikan kerahsiaan dan keselamatan maklumat terpelihara di peringkat organisasi.



PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN PENGAWAL KESELAMATAN GRED KP11 DI JABATAN PERDANA MENTERI DAN PELBAGAI JABATAN

Pada 3 Julai 2025, Peperiksaan Perkhidmatan bagi Pengawal Keselamatan Gred KP11 telah berjaya dilaksanakan melibatkan pegawai daripada Jabatan Perdana Menteri serta pelbagai jabatan lain.

Peperiksaan ini dijalankan pada jam 9.00 pagi hingga 10.30 pagi dengan penyertaan seramai 26 orang calon. Penganjuran peperiksaan ini adalah sebahagian daripada syarat pengesahan jawatan di bawah skim Kumpulan Pelaksana (KP), di samping menjadi kaedah penilaian tahap kompetensi serta pemahaman pegawai terhadap peraturan, undang-undang, dan tatacara berkaitan bidang tugas mereka.

Peperiksaan Perkhidmatan yang dijalankan merupakan salah satu syarat utama bagi skim Kumpulan Pelaksana (KP) untuk tujuan pengesahan dalam jawatan. Selain itu, peperiksaan ini berfungsi sebagai kaedah pengukuran tahap kompetensi dan potensi pegawai, khususnya dalam menilai pemahaman mereka terhadap pelbagai peruntukan undang-undang dan peraturan yang berkaitan. Antara bidang yang diuji termasuklah Arahan Keselamatan, Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88), Akta Kawasan Larangan dan Tempat Larangan 1959 (Akta 298), Kanun Keseksaan (Akta 574), Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593), Akta Keterangan 1950 (Akta 56), Akta Polis 1967 (Akta 344), Akta Pendaftaran Negara 1959, serta pekeliling berkaitan Keselamatan Perlindungan, garis panduan, dan peraturan lain yang relevan, bergantung kepada latar belakang serta keperluan jawatan pegawai yang diuji.



"SETIAP UJIAN ADALAH PELUANG UNTUK MEMBUKTIKAN KEMAMPUAN DIRI"

KURSUS FITNESS AND HEALTH SIRI 1/2025



Kursus ini bertujuan memberi pendedahan serta ilmu pengetahuan kepada peserta sebagai kemahiran pengukuhan diri yang dapat diadaptasikan di CGSO khususnya, dan di kementerian, jabatan atau agensi kerajaan umumnya. Antara fokus utama kursus adalah membangunkan modul yang mantap dalam aspek pengukuhan diri, bagi melahirkan peserta yang mampu menjadi frontliner CGSO dalam mengatur serta mengurus aktiviti fizikal warga CGSO di tempat penempatan masing-masing.



Selain itu, kursus ini turut membincangkan pembentukan Standard Operating Procedure (SOP) yang lengkap bagi memastikan peralatan di *Obstacle Course* dapat digunakan dengan selamat, selaras dengan kepakaran Kementerian Belia dan Sukan, setelah mendapat kelulusan daripada YBhg. Dato' Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan.

Pada 04 hingga 07 Julai 2025, Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (ILKEM) telah menganjurkan Kursus Fitness and Health Siri 1/2025. Kursus ini berlangsung selama empat hari dan melibatkan penyertaan warga Skim KP CGSO daripada pelbagai peringkat perkhidmatan serta kementerian, jabatan dan agensi kerajaan.



Kursus ini turut menampilkan lima orang penceramah jemputan daripada Institut Sukan Negara, iaitu Encik Mohd Faiz bin Othman, Puan Nurul Naelah binti Borhan, Puan Kamsina binti Aziz, Puan Lim Jin Xuan dan Encik Mohammad Saiful Fadhly bin Fadzil. Penceramah telah berkongsi tatacara penggunaan peralatan senaman dan penggunaan *Obstacle* dengan betul.



BENGKEL TRAINING OF TRAINERS PELAKSANAAN PKP DI SEKTOR AWAM



Pada 11 hingga 12 Ogos 2025, Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (ILKEM) telah menganjurkan Bengkel Training of Trainers. Pelaksanaan PKP di Sektor Awam Siri 2/2025 yang berlangsung selama dua hari. Bengkel ini melibatkan penyertaan semua warga Skim KP CGSO dari pelbagai peringkat perkhidmatan.

Penganjuran bengkel ini bertujuan untuk memberikan pengenalan dan pendedahan kepada pegawai serta kakitangan Skim KP CGSO mengenai pelaksanaan PKP berdasarkan Arahan Keselamatan (Pindaan 2017). Melalui bengkel ini, tahap kefahaman para peserta mengenai pelaksanaan PKP dapat dipertingkatkan, sekali gus membolehkan mereka menasihati jabatan dan agensi masing-masing dengan lebih berkesan.



Bengkel ini turut dijayakan dengan empat orang penceramah daripada Ibu Pejabat CGSO, iaitu Puan Tun Zazarina binti Zainal Abidin, Puan Siti Hafizah binti Mohd Shah, Puan Dalila binti Mat Ali, Encik Mohd Azmie bin Tajol Amirrudin. Penceramah telah berkongsi input serta pengetahuan berdasarkan pengalaman lapangan dan isu-isu semasa berkaitan pelaksanaan PKP berdasarkan Arahan Keselamatan (Pindaan 2017).

Melalui penganjuran bengkel ini, ILKEM terus komited untuk memperkukuh tadbir urus keselamatan perlindungan dalam kalangan warga CGSO, sekali gus menyokong matlamat kerajaan ke arah pentadbiran awam yang cekap, berintegriti dan berakauntabiliti tinggi.



KURSUS LANJUTAN KOMUNIKASI BERKESAN (WALKIE TALKIE)

Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (ILKEM) telah menganjurkan Kursus Asas Komunikasi Berkesan (Walkie Talkie) pada 19 hingga 20 Ogos 2025. Kursus selama dua hari ini melibatkan penyertaan seramai 14 orang peserta yang terdiri daripada warga Skim KP CGSO merangkumi pelbagai peringkat perkhidmatan.



Kursus ini turut menampilkan penceramah jemputan daripada Malaysian Amateur Radio Transmitters' Society (MARTS), iaitu Encik Zanirul Akhmal bin Zanirun. Penceramah telah berkongsi pelbagai input dan pengetahuan kritikal berdasarkan pengalaman lapangan serta isu-isu semasa yang berkaitan pengurusan sistem 'walkie talkie' yang betul.



Objektif utama penganjuran kursus ini adalah untuk memberi pendedahan serta menambah pengetahuan para Pegawai Keselamatan Kerajaan berkaitan penggunaan alat komunikasi walkie talkie mengikut keperluan dan kepakaran masing-masing dalam menjalankan tugas hakiki. Pemilihan peserta dibuat berdasarkan tahap kompetensi dan integriti bagi memastikan ilmu yang diperolehi dapat diaplikasikan dengan berkesan pada masa, tempat dan situasi yang sesuai.



Melalui penganjuran program ini, ILKEM kekal komited dalam memperkukuh tadbir urus keselamatan perlindungan dalam kalangan warga CGSO, sejajar dengan aspirasi kerajaan untuk membentuk sebuah pentadbiran awam yang cekap, berintegriti dan berakuntabiliti tinggi.

BENGKEL PENGENDALIAN KUNCI KESELAMATAN DAN TATACARA NOMBOR KOMBINASI

Pada 11 hingga 12 Ogos 2025, Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (ILKEM) telah menganjurkan Bengkel Training of Trainers. Pelaksanaan PKP di Sektor Awam Siri 2/2025 yang berlangsung selama dua hari. Bengkel ini melibatkan penyertaan semua warga Skim KP CGSO dari pelbagai peringkat perkhidmatan.



Penganjuran bengkel ini bertujuan untuk memberikan pengenalan dan pendedahan kepada pegawai serta kakitangan Skim KP CGSO mengenai pelaksanaan PKP berdasarkan Arahan Keselamatan (Pindaan 2017). Melalui bengkel ini, tahap kefahaman para peserta mengenai pelaksanaan PKP dapat dipertingkatkan, sekali gus membolehkan mereka menasihati jabatan dan agensi masing-masing dengan lebih berkesan.

Bengkel ini turut dijayakan dengan empat orang penceramah dari Ibu Pejabat CGSO, iaitu Puan Tun Zazarina binti Zainal Abidin (CGSO), Puan Siti Hafizah binti Mohd Shah, (CGSO) daripada Ibu Pejabat CGSO. Penceramah telah berkongsi input serta pengetahuan berdasarkan pengalaman lapangan dan isu-isu semasa berkaitan pelaksanaan PKP berdasarkan Arahan Keselamatan (Pindaan 2017).



Melalui penganjuran bengkel ini, ILKEM terus komited untuk memperkukuh tadbir urus keselamatan perlindungan dalam kalangan warga CGSO, sekali gus menyokong matlamat kerajaan ke arah pentadbiran awam yang cekap, berintegriti dan berakauntabiliti tinggi

LAWATAN KETUA PENGARAH KESELAMATAN KERAJAAN KE ILKEM



Lawatan ini telah berlangsung dalam suasana mesra dan penuh berinformasi. Ia bukan sahaja memberi peluang untuk melihat secara dekat peranan serta fungsi ILKEM sebagai Institut Latihan Keselamatan Perlindungan.



Lawatan ini mencerminkan komitmen berterusan pihak CGSO dalam menyokong agenda pembangunan modal insan melalui ILKEM, di samping memastikan aspek keselamatan perlindungan sentiasa berada pada tahap terbaik demi kepentingan negara.

Pada 8 September 2025, YBrs. Tuan W. Husbi bin W. Mohd, Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan, telah mengadakan lawatan ke Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (ILKEM). Beliau telah diiringi oleh YBrs. Tuan Haji Mohd Najib bin Surip, Timbalan Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan (Operasi), bersama-sama Pengarah-pengarah bahagian serta pegawai-pegawai Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO).



Sepanjang lawatan tersebut, YBrs. Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan telah diberikan taklimat berkenaan fasiliti dan makmal Keselamatan Fizikal, makmal Dokumen Forensik, Makmal Sasaran Penting, Kawasan Larangan dan Tempat Larangan. Sesi lawatan turut disusuli dengan perbincangan dua hala yang membolehkan perkongsian pandangan serta cadangan penambahbaikan dilaksanakan bagi memperkukuh fungsi fasiliti tersebut dan meningkatkan keberkesanan latihan keselamatan perlindungan pada masa hadapan.



ENCIK MOHD AZHAR BIN YUSOFF
PEGAWAI KESELAMATAN KP12

TARIKH	BERTUGAS
22 SEPTEMBER 2025	BAHAGIAN SASARAN PENTING, KAWASAN LARANGAN & TEMPAT LARANGAN (BSPKLTL) IBU PEJABAT CGSO
2024	INSTITUT LATIHAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN MALAYSIA (ILKEM)



ENCIK MOHD RIDZUAN BIN SITH
PEGAWAI KESELAMATAN KP10

TARIKH	BERTUGAS
29 SEPTEMBER 2025	INSTITUT LATIHAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN MALAYSIA (ILKEM)
2024	BAHAGIAN SASARAN PENTING, KAWASAN LARANGAN & TEMPAT LARANGAN (BSPKLTL) IBU PEJABAT CGSO



ENCIK MOHD FAUZI LATIF BIN MAHFAR
PEMBANTU KESELAMATAN KP2


TARIKH	BERTUGAS
11 JULAI 2025	HOSPITAL TENGKU AMPUAN RAHIMAH KLANG
2011	INSTITUT LATIHAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN MALAYSIA (ILKEM)



CIK SITI NUR BAHYAH BINTI MOHAMAD
PEMBANTU KESELAMATAN KP2

TARIKH	BERTUGAS
28 JULAI 2025	INSTITUT LATIHAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN MALAYSIA (ILKEM)
2012	SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA IBU PEJABAT, PUTRAJAYA

CTPED AND TRADITIONAL SECURITY COUNTERMEASURES: 150 THINGS YOU SHOULD KNOW



PENGARANG : LAWRENCE FENNELLY, MARIANNA PERRY
ISBN : 978-1-138-50173-7

Buku *CPTED and Traditional Security Countermeasures: 150 Things You Should Know* atau versi terjemahan tidak resmi "Perkara Yang Anda Perlu Tahu" merupakan sebuah rujukan yang amat berguna, bukan sahaja kepada pengamal keselamatan yang berpengalaman, malah kepada mereka yang baru menceburi bidang keselamatan dan penguatkuasaan undang-undang. Buku ini mengetengahkan konsep asas Pencegahan Jenayah Melalui Reka Bentuk Alam Sekitar atau CPTED (Crime Prevention Through Environmental Design) yang telah diiktiraf sebagai pendekatan penting dalam keselamatan fizikal moden. Konsep ini boleh digabungkan secara menyeluruh ke dalam dasar, perancangan, dan prosedur keselamatan sesebuah organisasi. Keberkesannya telah dibuktikan sejak sekian lama, terutamanya dalam aspek reka bentuk bangunan, perancangan kampus, seni bina keselamatan, dan pembangunan budaya keselamatan di tempat kerja.

Penulis buku ini telah menghimpunkan 150 topik penting yang bersifat praktis, berdasarkan pengalaman dunia sebenar dalam bidang keselamatan fizikal. Kandungan disusun secara ringkas, padat dan mudah difahami, menjadikannya mudah dirujuk oleh pelbagai lapisan profesional.


Antara topik utama yang dibincangkan termasuk:

- Kawalan akses dan pengesahan identiti,
- Pengerasan sasaran (target hardening),
- Arahan dan kawalan (command and control),
- Perlindungan keselamatan fizikal, dan
- Pengurusan pelawat serta persekitaran kerja yang selamat.

Buku ini bukan sekadar teori, tetapi membekalkan petua dan pendekatan praktikal yang boleh terus dilaksanakan oleh pengamal keselamatan dan profesional penguatkuasa undang-undang dalam mengurus program keselamatan mereka.

Kesimpulannya, CPTED and *Traditional Security Countermeasures: 150 Things You Should Know* adalah rujukan yang wajar dimiliki oleh setiap individu yang terlibat dalam perancangan dan pelaksanaan keselamatan fizikal. Ia menawarkan cadangan dunia sebenar dan strategi yang telah terbukti berkesan untuk menangani pelbagai cabaran keselamatan hari ini.

LOCKSMITHING AND ELECTRONIC SECURITY WIRING DIAGRAMS



PENGARANG : JOHN L. SCHUM
ISBN : 978-0-07-139305-8

Buku ini merupakan sumber rujukan komprehensif dan praktikal bagi memahami serta mereka bentuk rajah pendawaian sistem keselamatan elektronik.

Ditulis oleh seorang pengarang berpengalaman lebih dua dekad dalam bidang keselamatan elektrik dan kejuruteraan sistem, buku ini menyediakan panduan terperinci yang sesuai untuk pelbagai peringkat professional daripada tukang kunci, juruteknik dan pereka bentuk sistem keselamatan, hinggalah kepada pendidik dan pelajar dalam bidang berkaitan.

Antara kemahiran utama yang boleh dipelajari melalui buku ini ialah:

- Teknik melukis dan menghasilkan rajah pendawaian secara profesional,
- Kaedah meningkatkan kemahiran menyelesaikan masalah teknikal,
- Panduan memilih komponen sistem secara efektif, dan
- Cara membaca serta menganalisis rajah pendawaian seperti seorang pakar industri.

Ciri-Ciri Istimewa Buku Ini

- Tutorial lengkap untuk memahami rajah pendawaian keselamatan elektronik
- Liputan bergambar menyeluruh tentang asas lukisan, pemilihan peralatan dan reka bentuk sistem
- Arahan langkah demi langkah daripada pakar industri dalam mereka bentuk sistem pendawaian
- Perincian mengenai kawalan geganti, kotak simpang, dan antara muka panel kebakaran
- Perbincangan berkaitan keperluan kuasa dan aliran tenaga dalam sistem



Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO)

Jabatan Perdana Menteri

Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (ILKEM)

**Persiaran Timur 3, Bandar Baru Enstek, 71760 Bandar Baru Enstek
Negeri Sembilan**

Tel. Pejabat : 06-7993301

Faks: 06-7994667/5007

www.cgso.gov.my